

NO. SOALAN : 412

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

NO. RUJUKAN : DR053

SOALAN :

YB. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan jumlah
hutan simpan seluruh negara dan pecahannya mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Disember 2014 kawasan berhutan di Malaysia merangkumi 18.27 juta hektar atau 55.32% daripada jumlah keluasan tanah negara seluas 33.018 juta hektar. Daripada jumlah ini, seluas 12.9 juta hektar telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal dan 1.45 juta hektar sebagai kawasan perlindungan. Kawasan HSK ini diurus melalui amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan untuk kepentingan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Jumlah keluasan Hutan Simpanan Kekal yang masih ada serta peratusan hutan mengikut keluasan negeri-negeri adalah seperti **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Kawasan Berhutan di Malaysia pada Tahun 2014

Bil.	Negeri	Kawasan Berhutan*		Kawasan Hutan Simpanan Kekal		Kawasan Perlindungan**	
		Luas (hektar)	%	Luas (hektar)	%	Luas (hektar)	%
1.	Johor	466,768.20	24.55	432,184.20	22.73	325	0.02
2.	Kedah	342,431.14	36.33	341,976.00	36.28	-	-
3.	Kelantan	812,196.00	53.77	623,849.00	41.30	103,082	6.82
4.	Melaka	5,398.81	3.27	5,093.38	3.08	20	0.01
5.	Negeri Sembilan	158,416.30	23.80	155,824.81	23.41	24	0.004
6.	Pahang	2,068,081.97	57.50	1,562,900.05	43.46	399,740	11.11
7.	Perak	1,022,274.16	48.63	999,966.76	47.57	3,161	0.15
8.	Perlis	11,532.09	14.51	10,799.13	13.58	68	0.09

Bil.	Negeri	Kawasan Berhutan*		Kawasan Hutan Simpanan Kekal		Kawasan Perlindungan**	
		Luas (hektar)	%	Luas (hektar)	%	Luas (hektar)	%
9.	Pulau Pinang	7,760.93	7.53	6,059.93	5.88	1,182	1.15
10.	Selangor	250,859.77	31.63	250,128.71	31.54	-	-
11.	Terengganu	655,443.58	50.59	544,936.58	42.06	77,507	5.98
12.	WP Kuala Lumpur	2,049.38	7.02	68.27	0.23	-	-
Jumlah Semenanjung		5,803,212.33	44.03	4,933,786.82	37.43	585,109	4.44
13.	Sabah	4,429,000.00	60.20	3,614,730.55	49.09	274,269.50	3.72
14.	Sarawak	8,034,208.00	64.89	4,352,823.00	35.15	594,626.00	4.80
JUMLAH KESELURUHAN		18,266,420	55.32	12,901,340.37	39.07	1,454,005	4.40

Nota: *Termasuk Hutan Tanah Kerajaan, Taman Negara, Taman Negeri, Sanktuari Hidupan Liar, Kawasan Perlindungan dan lain-lain kawasan berhutan.

**Termasuk Taman Negara dan Taman Negeri, Sanktuari Hidupan Liar dan Burung dan lain-lain Kawasan Perlindungan.

Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Sekian, terima kasih.